

30 November 2017

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

## **PROJEK INOVATIF KITAR SEMULA SISA PBAPP MENANG ANUGERAH NEGERI PULAU PINANG**

- **Projek PBAPP: “Penukaran Sisa Loji Rawatan Air Sungai Dua menjadi Bata Tanah Liat”.**
- **Anugerah: Juara, Anugerah Inovasi Negeri Pulau Pinang (Kategori Bukan ICT).**
- **PBAPP juga memenangi trofi “Naib Juara Anugerah Inovasi” pada IGEM 2017 di KLCC menerusi projek kitar semula sisa ini .**

PULAU PINANG, Khamis (30/11/2017): Projek kitar semula sisa oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) memenangi Anugerah Inovasi Negeri Pulau Pinang 2016 (Kategori bukan ICT) pada 28/11/2017 lalu.

Projek “hijau” ini melibatkan penukaran sisa loji rawatan air di Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA Sungai Dua) kepada bahan yang mempunyai nilai tambah yang boleh digunakan dalam pengeluaran bata tanah liat.

Pada 13/10/2017, PBAPP juga memenangi “Naib Juara Anugerah Inovasi” untuk projek ini pada “*International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia* (IGEM) 2017” di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

### **Menukar Sisa Berjadual kepada Bahan Membuat Bata**

LRA Sungai Dua, loji rawatan air terbesar di Pulau Pinang, menghasilkan lebih daripada 80% air terawat negeri setiap hari. Pada tahun 2016, purata penggunaan air di Pulau Pinang adalah 827 juta liter sehari (MLD).

Hasil sampingan proses rawatan air konvensional di LRA Sungai Dua merupakan bahan sisa yang dikenali sebagai sisa loji rawatan air (LRA).

Sisa LRA diklasifikasikan sebagai “buangan berjadual” yang mesti dilupuskan dengan selamat, mengikut Peraturan-Peraturan “Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Berjadual) 2005”.

LRA Sungai Dua menghasilkan purata 300 metrik tan sisa LRA setiap hari.

Melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) sejak tahun 2009, PBAPP telah menemui cara untuk mengitar semula sisa LRA sebagai bahan nilai tambah untuk pembuatan bata tanah liat yang digunakan dalam projek pembinaan.

### Manfaat Utama

Manfaat utama projek kitar semula sisa LRA ini termasuk:

1. Mengitar semula sisa berjadual secara inovatif, sejajar dengan inisiatif “Pulau Pinang yang Lebih Bersih dan Hijau” Kerajaan Negeri Pulau Pinang;
2. Potensi Pengurangan kos pelupusan sisa berjadual, bukan sahaja untuk PBAPP, tetapi untuk keseluruhan industri bekalan air di Malaysia; dan
3. Mengguna semula sisa LRA secara konstruktif sebagai bahan nilai tambah yang akan berfaedah kepada industri pembuatan batu bata, dan seterusnya, kepada industri pembinaan.

### Anugerah Inovasi Negeri Pulau Pinang

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Dato’ Haji Ghazali Bin Derahman menyerahkan Anugerah Inovasi Negeri Pulau Pinang (Kategori Bukan ICT) kepada PBAPP pada 28/11/2017, sempena majlis “Hari Inovasi 2017” peringkat negeri Pulau Pinang.

Anugerah Inovasi Negeri Pulau Pinang mengiktiraf inisiatif inovatif sektor awam. Ia juga menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan kakitangan pentadbiran negeri, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam untuk kepentingan rakyat.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)

